

06/08/1999

Mapen II corakkan generasi masa depan

MAJLIS Perundingan Ekonomi Negara Kedua (Mapen II) yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin adalah sebuah badan perundingan yang paling mantap pernah diwujudkan dalam sejarah negara ini. Walau pun majlis seperti ini bukanlah pertama kali ditubuhkan, matlamatnya agak berbeza kerana ia dibentuk ketika dunia melangkah ke alaf baru. Dalam jangka waktu yang terdekat, negara ini mungkin dipimpin oleh generasi muda hari ini.

Tugas Mapen II adalah untuk menyiapkan diri generasi muda hari ini bagi menghadapi sebarang kemungkinan akan datang. Tidak dapat disangkal lagi bahawa tugas Mapen II bukan saja besar, malah begitu mencabar kerana hasil rundingan dan perbincangan majlis yang dianggotai 155 wakil pelbagai pertubuhan dan individu itu, akan mencorakkan masa depan negara dan masyarakat Malaysia. Melihat kepada tokoh yang ditugaskan untuk memberi input yang mungkin belum pernah difikirkan untuk kebaikan masa depan negara ini, tidak diragui mereka akan melaksanakan tugas itu dengan penuh rasa tanggungjawab.

Memang sebelum ini ada perbincangan mengenai hala tuju masyarakat negara ini untuk menghadapi alaf baru, yang diadakan dari semasa ke semasa, tetapi segala-galanya berakhir dengan rumusan tanpa tindakan. Keistimewaan Mapen II ialah kerana ia diiktiraf kerajaan untuk membuat cadangan dan rumusan dan kemudian dikemukakan untuk dihalusi, seterusnya dilaksanakan. Pastinya, dengan perbincangan yang teliti dan mendalam, dengan mengambil kira pelbagai aspek yang merangkumi faktor politik, ekonomi, sosial, agama dan sebagainya, ia boleh diterjemahkan kepada satu dasar yang diterima semua pihak.

Disebabkan majlis itu turut dianggotai pelbagai pertubuhan masyarakat, termasuk belia, sewajarnya golongan itu turut memberi pandangan kerana apa yang cuba dicorakkan nanti berkait rapat dengan masa depan mereka. Merekalah yang akan mewarisi kemakmuran negara ini jika terus diurus dengan baik. Menguruskan sebuah negara memerlukan perancangan teliti. Mapen II adalah forum yang paling penting yang ditubuhkan di negara ini pada saat-saat akhir menjelang akhir alaf ini. Setidak-tidaknya, bagi masyarakat alaf baru nanti, mereka akan menghargai jasa anggota Mapen II yang memikirkan arah tuju perjalanan generasi mereka.

Jika ada pun yang boleh dianggap sebagai kepentingan majlis ini, ia adalah semata-mata berasaskan kesedaran untuk membela generasi masa depan negara ini. Tidak ada antara mereka yang mahu menyaksikan generasi masyarakat Malaysia lebur.

Hakikatnya, anggota majlis itu hanyalah ditugaskan untuk memikirkan apakah bentuk masyarakat Malaysia akan datang yang diperlukan bagi memastikan mereka tidak tercicir dalam arus perdana dan cabaran yang begitu hebat. Beberapa peristiwa buruk yang membabitkan generasi hari ini sudah pun berlaku. Apakah masyarakat seperti itu yang perlu dibentuk nanti. Adalah diharapkan anggota Mapen II akan memastikan, sebarang anjakan paradigma yang mungkin berlaku, mestilah berlandaskan perubahan yang boleh menguntungkan negara ini. Ini adalah tugas berat yang seharusnya dihargai semua pihak. Ia adalah tugas murni. Adalah lebih baik memberi idea menerusi forum yang diiktiraf daripada melaung-laung di luar gelanggang.

Sebagai sebuah negara yang sentiasa bersaing, sudah tentu salah satu fokus yang diberi keutamaan ialah cara mana Malaysia dapat meningkatkan

pencapaian ekonominya bagi tahun-tahun akan datang. Tugas Mapen II bukan sekadar memastikan ekonomi negara terus berkembang pesat, tetapi tidak kurang pentingnya ialah menentu kedudukan ekonomi masyarakat dapat diseimbangkan bagi mengelakkan jurang yang terlalu nyata. Ini penting kerana ia adalah isu yang sudah lama dibincangkan tetapi belum dapat diselesaikan sepenuhnya. Mapen II diharap dapat mencari jalan penyelesaiannya.

Generasi masa depan negara ini akan menghadapi satu perubahan mendadak apabila mereka bukan lagi menjadi rakyat dalam sebuah negara membangun. Apabila tiba masanya, mereka akan mengurus sebuah negara yang akan diisytihar sebagai sebuah negara maju. Cabaran menguruskan sebuah negara maju adalah lebih besar manakala saingan pula akan lebih dahsyat. Jika asas yang akan dibina tidak mantap, generasi akan datang mungkin tersungkur. Dengan kemajuan teknologi maklumat (IT), pelbagai pengaruh baru akan meresapi pemikiran rakyat. Oleh itu, Mapen II perlu mengambil kira kekuatan dan kelemahan rakyat dan dapat meramalkan peristiwa yang mungkin berlaku sama ada berasaskan kepada keadaan serantau atau sejagat atau sikap rakyat negara ini sendiri. Jika perlu merobohkan pemikiran usang yang boleh membantut perkembangan kemajuan negara ini, ia perlulah dilakukan segera.

(END)